

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI  
[ TANGGA BATU ]**

**TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah dasar dan kriteria dalam pengagihan bantuan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) kepada ahli persatuan nelayan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Kementerian melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) pada dasarnya berperanan untuk memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi nelayan melalui program/projek peningkatan pendapatan nelayan. Dalam usaha ini, pelbagai bantuan yang disediakan oleh Kerajaan kepada nelayan yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) antaranya Elaun Sara Hidup (ESH) sebanyak RM250 sebulan bagi mengurangkan kos sara hidup, Insentif Hasil Pendaratan Ikan (IHTI) sebanyak 10sen/kg dan subsidi minyak diesel dan petrol pada harga RM1.65/liter bagi menampung sebahagian kos operasi menangkap ikan serta menstabilkan pendapatan nelayan.

2. LKIM juga menyediakan Bantuan Bencana Alam Nelayan dalam bentuk tunai kepada mangsa dan keluarga kepada nelayan yang tidak mengambil insurans perlindungan keselamatan sekiranya berlaku kemalangan, kemusnahan atau kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa. Pada masa sama, pinjaman mudah kepada nelayan secara perseorangan atau persatuan bagi aktiviti berkaitan perikanan turut disediakan. Pelaksanaan ini bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan dan pengaruh orang tengah dalam kehidupan nelayan.

3. Skim Pinjaman Nelayan Pantai (SNEP) disediakan untuk meningkatkan keupayaan bot, peralatan dan kelengkapan tradisi sedia ada ke arah penggunaan teknologi yang lebih berinovasi. Kriteria pemohon adalah terbuka kepada nelayan pantai/ bot hakmilik penuh atau pemilik tunggal (nelayan tulen) yang menggunakan sampan berenjin sangkut dan tidak mempunyai bebanan hutang atau disenarai hitam oleh institusi kewangan. Had pinjaman adalah di antara RM1,000 hingga RM25,000 dengan tempoh pinjaman sehingga 72 bulan tanpa faedah pinjaman.

4. Manakala Skim Pinjaman Nelayan Enjin Dalam (SNED) pula disediakan kepada nelayan yang menggunakan bot berenjin dalam mengikut zon tangkapan A, B atau C. Kriteria pemohon adalah terbuka kepada individu/ bot hakmilik penuh atau pemilik tunggal (nelayan tulen) dan yang tidak mempunyai bebanan hutang atau disenarai hitam oleh institusi kewangan. Pemohon juga perlu mempunyai lesen/ permit yang sah serta mendapatkan pengesahan DOF jika bot berkenaan telah dipindah milik kepada pemohon. Had pinjaman adalah di antara RM5,000 hingga RM75,000 dengan tempoh pinjaman sehingga 72 bulan dan dikenakan kadar faedah pinjaman sebanyak 2 % setahun.

Sekian, terima kasih.